

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2014

SOALAN :

YB. Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kenapa Kementerian tidak menguatkuasakan pengambilan wang deposit, jaminan bank atau insurans oleh syarikat-syarikat pelancongan, agar dapat digunakan sebagai pampasan sekiranya syarikat gagal menunaikan janji.

JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Peraturan 6(1)(m)(i) di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 (AIP 1992) telah menetapkan "***dia (pengendali pelancongan) hendaklah membeli polisi insurans bernilai RM100,000 ATAU menandatangani dengan Pesuruhjaya wang tunai sejumlah RM20,000 ATAU memberi Pesuruhjaya jaminan bank sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga sebanyak amaun RM100,000 bagi maksud pampasan atau bayaran balik untuk perlindungan pelancong ke luar negeri***".

Ini bermakna agensi pelancongan mempunyai pilihan untuk memilih sama ada untuk membeli polisi insurans **atau** membuat bayaran deposit dalam bentuk wang tunai **atau** memberi jaminan bank kepada Pesuruhjaya Pelancongan di dalam mengendalikan pakej pelancongan yang ditawarkan. Dalam perkara ini, pengendali pelancongan di Malaysia lebih cenderung memilih untuk membeli polisi insurans kerana ianya lebih mudah dan murah.

Walaupun bagaimanapun, berdasarkan pemantauan yang dilakukan serta peningkatan kes penipuan yang berlaku khususnya berkaitan Umrah, maka bermula pada 1 Januari 2015, Kementerian akan mula menguatkuasakan Peraturan 6(1)(m)(i) di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 (AIP 1992) iaitu dengan mewajibkan syarikat pengendali pelancongan menandatangani dengan Pesuruhjaya wang tunai

sejumlah RM20,000 ATAU memberi Pesuruhjaya jaminan bank sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga sebanyak amaun RM100,000 bagi maksud pampasan atau bayaran balik untuk perlindungan pelancong ke luar negeri”.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG LING BIU (SARIKEI)

TARIKH : 11 NOVEMBER 2014

SOALAN : YB TUAN WONG LING BIU minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membanteras masalah isu perkauman dan perselisihan agama di negara ini. Apakah punca-punca utama yang mengakibatkan berlakunya masalah-masalah perkauman yang berleluasa.

JAWAPAN:

Tan Sri Yang DiPertua,

Kes penghinaan agama dan komen-komen berbaur perkauman telah menjadi landasan pihak yang tidak bertanggungjawab untuk melancarkan serangan-serangan yang menimbulkan rasa marah masyarakat.

Selaku Menteri yang bertanggungjawab menjaga hal ehwal perpaduan dan memastikan perpaduan terus terpelihara, pelbagai program dan aktiviti baru dirangka sebagai pendekatan baru untuk melaksanakan program *outreach* secara lebih berkesan dan bersistematik dengan penglibatan penduduk setempat untuk membendung penularan kes penghinaan agama dan isu perkauman.

Pendekatan damping dan didik dengan izin *engage and educate* merupakan mekanisme yang akan diketengahkan dalam mendepani cabaran mendatang bertujuan untuk menyatupadukan rakyat lagi. Antara usaha-usaha menangani isu perkauman dan agama adalah seperti berikut:

- a) Penubuhan **Majlis Konsultasi Perpaduan Negara** pada 11 September 2013 untuk mengenalpasti usaha-usaha ke arah perpaduan nasional dan kesepaduan rakyat Malaysia agar keharmonian terus terpelihara melalui penyediaan Pelan Tindakan Perpaduan Negara yang akan siap pada akhir tahun 2014.
- b) Meningkatkan persefahaman di kalangan penganut agama melalui **Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JKMPKA)** yang terdiri daripada wakil pemimpin Islam dan bukan Islam seperti Hindu, Buddha, Kristian, Sikh, Tao dan Baha'i dengan mengadakan dialog-dialog keagamaan di kalangan penganut-penganut agama.
- c) Memperkasakan **Program Skuad Unity** yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 9 Mac tahun 2014. Skuad Uniti akan menjadi perantaraan antara agensi-agensi kerajaan dengan masyarakat yang berperanan untuk mengukuhkan semangat perpaduan di kalangan masyarakat sejajar dengan penyatuan nasional.
- d) Manakala dalam usaha memantapkan perpaduan di peringkat akar umbi, **Program Sayangi Komuniti** diperkenalkan. Program ini memberi penekanan kepada keselamatan, kebersihan, keselesaan, pendidikan, kesejahteraan dan semangat perpaduan di kawasan kediaman dan di peringkat akar umbi.
- e) Manakala untuk menggalakkan penyertaan belia, lebih banyak **siri wacana, perbincangan meja bulat, seminar dan forum** bagi percambahan idea untuk meningkatkan kefahaman mengenai Kontrak Sosial dan Perlembagaan Persekutuan.
- f) Menyebarluaskan pendidikan perdamaian di kalangan komuniti agar melakukan pencelahan atau intervensi konflik atau perselisihan antara dua pihak di dalam masyarakat. Untuk mencapai objektif ini, JPNIN melatih **pasukan mediator komuniti** sebagai kumpulan yang dirujuk oleh masyarakat.

- g) Penghayatan kepada Rukun Negara sebagai asas perpaduan nasional. Oleh yang demikian, program **MyRukun Negara** diperkenalkan di 1,781 Tabika Perpaduan dan 6,068 **Kelab Rukun Negara** di peringkat sekolah rendah, di peringkat menengah serta 140 **Sekretariat Rukun Negara** di peringkat IPTA dan IPTS juga.

Antara program inovasi baru yang diperkenalkan sebagai *The Way Forward* ialah:

- a) **Program latihan industri perpaduan atau *Unity Internship Programme***. Program ini bertujuan untuk menangkis persepsi bahawa syarikat-syarikat bukan bumiputera hanya mengambil pekerja yang terdiri daripada kelompok kaum tertentu sahaja. Objektif kedua program latihan industri perpaduan dijalankan sebagai kaedah menggalakkan silang kerjaya untuk pengukuhan perpaduan dan penggalakan silang budaya atau dengan izin, *cross-cultural*, pemahaman antara agama, *inter-faith* dan penerimaan antara kaum atau *inter-race*.
- b) JPNIN juga memantapkan perpaduan melalui program informasi yang disampaikan melalui slot program tema dan mesej perpaduan iaitu, **"Membudayakan Perpaduan, Meraikan Kepelbagaian"**.
- c) **Program Rakan Perpaduan atau *partners in unity*** diperkenalkan juga untuk mengukuhkan jaringan sosial dengan pertubuhan persatuan sukarela dan badan bukan kerajaan.

Tan Sri Yang DiPertua,

Kerajaan sememangnya bimbang dan sentiasa berwaspada tindakan provokasi membangkitkan kebencian terhadap agama dan kaum dan sekiranya tidak ditangani segera akan mencetuskan huru-hara dalam kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama di negara ini. Antara punca-punca dikenalpasti adalah:

a) POLITIK PERKAUMAN

Ketaksuban pemimpin politik dan ahli-ahli politik yang sengaja menggerakkan fahaman kebencian terhadap sesuatu kaum dan agama dan sengaja melaga-lagakan di antara satu sama lain.

b) MEDIA MASSA

Media massa boleh menyumbang ke arah perpaduan dan integrasi antara kaum, tetapi pada masa yang sama juga boleh menyebabkan integrasi antara kaum tergugat. Pengarang-pengarang akhbar hendaklah beretika memastikan agar pelaporan-pelaporan berita menyentuh isu kaum dan agama tidak terlalu disensasikan yang hanya akan menimbulkan kebimbangan rakyat.

c) SALAH FAHAM TERHADAP DASAR-DASAR KERAJAAN

Kerajaan ingin menegaskan di sini bahawa apa-apa dasar diperkenalkan adalah untuk mewujudkan kesejahteraan rakyat, kemakmuran ekonomi dan kestabilan negara tanpa meminggirkan kepentingan kaum-kaum lain di negara ini.

Secara keseluruhannya, Kerajaan telah melakukan pelbagai usaha dalam mengekalkan perpaduan kaum di negara Malaysia tercinta ini. Sehubungan itu, kita sebagai rakyat Malaysia seharusnya bersyukur dengan keamanan yang berjaya kita kecapai hari ini di samping dapat mengekalkan keharmonian antara kaum yang berbilang bangsa di mana kita hidup dalam sebuah komuniti. Oleh demikian, walaupun ada perbezaan ideologi politik, kita haruslah mengawalnya supaya tidak menjadi tegang serta menjaga hubungan baik sesama masyarakat dengan keharmonian yang telah terbina sekian lama.